

11/07/2003

Saranan Dr M harus dijadikan pemula menyatukan umat

PUTRAJAYA: Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian Multaqa Ulama Sedunia, mendapat reaksi positif ulama dan cendekiawan Islam yang menyertai persidangan itu.

Fello Institut Pemikiran dan Peradaban Islam Antarabangsa (Istac) Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Muhammad Uthman El-Muhamady, berkata

Dr Mahathir telah memberi gambaran sebenar mengenai keadaan dan kedudukan masyarakat Islam dunia hari ini.

"Kita menghadapi suasana seperti itu kerana kita tidak bersatu, jahil, miskin, didominasi oleh budaya berkelahi sesama sendiri. Dalam perang kita kalah, dalam kehidupan tidak teratur, dalam pemikiran pun tidak begitu menonjol.

"Jadi ucapan Perdana Menteri adalah satu ucapan yang menyentuh masalah yang dihadapi umat Islam hari ini dan bila ia disebut di persidangan antarabangsa, yang di dalamnya berhimpun ulama dan intelektual seluruh dunia, ia sangat kena pada tempatnya.

"Hendaknya timbul konsensus atau kesepakatan bahawa umat Islam harus bersatu padu, tidak kira cara berfikir dan alirannya demi untuk kelangsungan (survival) Islam dan umatnya," katanya.

Ilmuan Islam dari Institut Pemikiran dan Peradaban Islam Antarabangsa (ISTAC), Prof Dr Ala'eddin Kharofa, berkata memang wujud golongan yang mahu memperalatkan Islam atau menggunakan cara tidak Islamik sehingga memudaratkan ummah.

"Alhamdulillah umat Islam di Malaysia boleh hidup dengan penganut agama

lain... inilah kebesaran Islam, boleh kita saksikan di Malaysia. Dr Mahathir tidak hanya bercakap mengenainya, tetapi mengotakan apa yang beliau kata.

"Kita sebagai umat Islam boleh hidup dengan bukan Islam supaya kita boleh menunjukkan kepada mereka apa sebenarnya ajaran Islam.

"Islam seperti yang kita tahu sentiasa mengajar kebaikan dan agama keamanan. Allah tidak mahu kita memboikot bukan Islam," katanya yang menyifatkan Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Islam agung.

Timbalan Pengerusi Majma Taqrib Bain Al- Mazaheb Al-Islami Iran, Seyed Hassan Rabbani bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa umat Islam sendiri tidak mampu mengembalikan semula penghormatan terhadap agama kecuali mereka berjaya mempertahankan diri.

"Memang perlu untuk kita menguasai semua ilmu pengetahuan dan kemahiran

yang akan membolehkan kita bersaing dengan orang lain dan mempertahankan hak kita," katanya.

Delegasi Australia yang juga penuntut Sarjana jurusan kaunseling di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Nada Ibrahim, berkata Dr Mahathir ikhlas dalam menyatakan ancaman yang dihadapi dunia Islam.

"Semenangnya nasib umat Islam terletak di tangan kita sendiri. Kita perlu membebaskan diri daripada penindasan, membina kekuatan untuk

mempertahankan diri, bersatu dan melakukan apa yang perlu.

"Saya berharap cendekiawan Islam dan ulama yang berkumpul pada Multaqa ini dapat merumuskan pendekatan terbaik mengembalikan kekuatan Islam," katanya.

Pengurus Besar Pusat Pengajian Fekah Sudan, Sheikh Tigani Hasan, berkata memang benar wujud ulama palsu yang mengintepretasikan agama mengikut kepentingan mereka.

Beliau juga bersetuju bahawa umat Islam perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan moden dan persenjataan untuk mempertahankan diri serta hak umat.

Profesor Pengajian Islam dari Sudan, Abdul Rahim Ali, berkata ulama perlu bersatu dalam memberi tafsiran betul dan kefahaman lengkap mengenai Islam bagi mengurangkan perbezaan pendapat yang menimbulkan banyak kekeliruan.

Katanya, umat Islam perlu mengetepikan kehendak individu dan tafsiran dangkal mengenai Islam.

"Negara Arab tidak terkecuali daripada masalah ulama palsu. Tumpuan kini harus diberi terhadap usaha memenangi hati dan pemikiran umat Islam sendiri supaya segala kekurangan dapat diatasi," katanya.

Profesor Sejarah Islam Universiti Damsyik, Syria, Souhil Zakkar, berkata kupasan Dr Mahathir mengenai keadaan semasa yang mencabar ini wajar dijadikan panduan umat Islam.

"Peringatan beliau perlu diberi perhatian serius, terutama fenomena ulama palsu yang menggunakan Islam sebagai paksi untuk kepentingan diri.

"Kita perlu terus berusaha dan berganding bahu dalam memastikan kesucian Islam tidak dikaitkan dengan unsur negatif seperti keganasan," katanya.

Pengarah Institut Pengajian Islam Dalam Dunia Kontemporari, Los Angeles, Amerika Syarikat, Dr Mohamad Fathi Osman, berkata fokus kini harus dialihkan kepada usaha mengenal pasti kepentingan aliran pemikiran Islam.

"Ketepikan usaha menggambarkan Islam sebagai cara hidup atau ketamadunan kerana Islam tidak harus dihadkan kepada politik atau kuasa.

"Halangan seperti rasa rendah diri perlu diatasi menggunakan pendekatan sebenar iaitu menerusi ilmu, ketamadunan dan sains.

"Sejarah menunjukkan umat Islam sudah lama dibelenggu kelemahan, salah faham dan kejahilan. Masanya sudah tiba kita bangkit dan mengubah keadaan," katanya.

Ketua Lembaga Universiti Antarabangsa Lubnan, Husamueddine Quaraqirah berkata, umat Islam harus bijak membezakan antara ulama yang benar dengan ulama yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar.

"Dr Mahathir juga memberikan penekanan kepada pentingnya umat Islam melaksanakan fardu ain dan fardu kifayah kerana ia mampu menyelamatkan umat Islam. Ini harus diberi perhatian," katanya.

Timbalan Presiden Fakulti Pengajian Islam Sarajevo, Ahmet Alibasic berkata, ucapan Dr Mahathir harus dijadikan pemula untuk menyatukan umat

Islam seluruh dunia.

"Dr Mahathir secara tidak langsung menyeru kepada penyatuan ummah seluruh dunia. Saya harap seminar ini dapat menghasilkan resolusi penyatuan ummah. Hanya dengan kekuatan ilmu pengetahuan umat Islam dapat bersatu. Apabila umat Islam sudah maju, barulah kita dapat disatukan," katanya.

Beliau juga menggesa umat Islam merujuk kepada firman bahawa Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa jika bangsa itu sendiri tidak mengubahnya.